



**IDRIS (dua dari kanan) bersama penyelidik dan ahli akademik pada Pameran Kejayaan Universiti Penyelidikan di Universiti Putra Malaysia, semalam.**

# Universiti penyelidikan jimat RM2b

**Serdang:** Usaha kerajaan menaik taraf universiti tempatan sebagai universiti penyelidikan (RU) sejak tahun 2007 berjaya menjimatkan kos pengajian pelajar peringkat doktor falsafah (PhD) sebanyak RM2 bilion.

Menteri Pendidikan Kedua Datuk Seri Idris Jusoh berkata, penjimatan itu merujuk kos pengajian di luar negara membabitkan 6,975 graduan PhD ketika ini yang dianggarkan mencecah sehingga RM500,000 untuk seorang pelajar PhD.

“Menerusi RU, kita dapat menyemarakkan lagi dan memastikan negara mempunyai hasil penyelidikan lebih baik dan kompetitif serta menjana ekonomi secara ke-

seluruhannya,” katanya pada Majlis Pameran Kejayaan Universiti Penyelidikan di sini, semalam.

Menurutnya, kewujudan RU menjana kekayaan negara dengan sasaran Pendapatan Negara Kasar (GNI) sebanyak RM10.78 bilion manakala peruntukan yang dikeluarkan dari 2007 sehingga 2011 adalah RM1.863 bilion.

“Pendapatan pula menjana RM3.608 bilion, pendapatan daripada penyelidikan inovasi (RM1.25 bilion) dan 182,720 pekerjaan,” katanya.

Katanya, kerjasama universiti tempatan bersama RU penting dalam mempertingkatkan jumlah graduan PhD yang berdaya saing dan ber-

kebolehan untuk memohon bantuan geran kerajaan.

“Kita juga boleh bekerjasama dengan pelbagai universiti di seluruh dunia kerana peruntukan kerajaan untuk melaksanakannya tidak mencukupi,” katanya.

Katanya, pencapaian universiti perlu lebih realistik berbanding hanya bergantung pada kedudukan universiti terbaik semata-mata.

“Keperluan lain perlu diatasi seperti pengajaran, pendidikan secara keseluruhan dan latihan. Merujuk pada jumlah graduan PhD, ia semakin bertambah selepas kewujudan RU,” katanya.

Katanya, jumlah pelajar PhD di RU adalah 23,833 orang sehingga tahun 2012.